

Utusan Malaysia Januari 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	05 Januari 2018	SPRM digesa siasat projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki	3
2.	06 Januari 2018	Isa antara 9 dipanggil kes pindah milik tanah Felda	Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Datuk Amar Singh Ishar Singh	4
3.	06 Januari 2018	PCM dakwa ada unsur rasuah Desak SPRM siasat segera projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	07 Januari 2018	Audit isu pindah milik tanah Felda bermula esok - Shahrir	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
5.	08 Januari 2018	Kerja audit tanah Jalan Semarak bermula hari ini	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
6.	09 Januari 2018	Audit projek KLVC dijangka selesai lebih awal	Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad	11
7.	14 Januari 2018	Dua kakitangan TM ditahan reman enam hari kes jual kabel	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
8.	15 Januari 2018	Projek terowong Pulau Pinang: Lebih 20 individu dipanggil	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
9.	15 Januari 2018	Curi kabel: Seorang lagi juruteknik kanan TM ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
10.	16 Januari 2018	Isu terowong: Beberapa lagi individu bakal ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
11.	19 Januari 2018	Pemandu bas dijel sehari, denda RM10,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
12.	20 Januari 2018	Kes seleweng projek terowong dasar laut: Dua Datuk dibebas	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
13.	20 Januari 2018	Ahli politik 'makan' besar Terima jutaan ringgit lulus kajian projek terowong dasar laut	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
14.	20 Januari 2018	Pegawai ATM direman bantu kes seleweng inap desa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
15.	22 Januari 2018	Terowong Dasar Laut : 2 -3 individu akan ditangkap	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki	23

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16.	23 Januari 201	Empat direman tujuh hari terlibat rasuah projek kereta api	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
17.	24 Januari 2018	Rasuah RM3j JKNS, 4 direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
18.	24 Januari 2018	SPRM sita RM6.7 juta termasuk wang tunai dan rumah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
19.	31 Januari 2018	Direman, didakwa salah guna kuasa, rasuah Kes suapan Pengarah JPS Perlis, akaun RM4j dibeku	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
20.	31 Januari 2018	Rasuah Pengarah JPS Perlis tiada kaitan dengan projek tebatan banjir	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).	32
21.	31 Januari 2018	Kontroversi projek terowong belum reda	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki	33

05 Januari 2018

1. SPRM digesa siasat projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang



NAIB Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan menunjukkan bukti rasuah dan penyelewengan projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang yang akan diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini hari ini.

PUTRAJAYA 5 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang yang bernilai kira-kira RM15 bilion kerana didakwa mempunyai unsur rasuah dan penyelewangan.

Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan mendakwa, berdasarkan bukti baharu yang diperoleh pihaknya mendapati Kerajaan DAP Pulau Pinang telah membenarkan syarikat tujuan khas (SPV) bagi projek tersebut membuat pra jualan tanah negeri bernilai RM3 bilion biar pun projek jalan itu telah mengalami kelewatan selama empat tahun.

Beliau berkata, lebih menghairankan apabila pemberian projek tersebut kepada syarikat berkenaan telah menggunakan peruntukan sebanyak RM9 bilion dana kerajaan negeri.

"Berdasarkan bukti yang kita peroleh kerajaan negeri akan menggunakan kira-kira RM9 bilion duit rakyat Pulau Pinang untuk pembinaan projek Gurney Drive ini. Antaranya, kerajaan negeri akan membina lapan lorong jalan di kawasan itu dengan kos antara RM300 juta hingga RM400 juta.

"Selain itu, kerajaan negeri juga akan membina sebuah lebuhraya baharu dikenali sebagai Pan Island Link sejauh RM19.5 km dengan menelan belanja kira-kira RM7.5 bilion," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Cheng Guan berkata, lebih mengejutkan apabila kos bagi satu km pembinaan lebuhraya itu sahaja mencecah RM385 juta iaitu paling mahal pernah direkodkan di Malaysia

2. Isa antara 9 dipanggil kes pindah milik tanah Felda**MOHD. ISA ABDUL SAMAD**

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad merupakan individu kesembilan dipanggil Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Bukit Aman hari ini bagi membantu siasatan kes pemindahan hak milik tanah Felda bernilai RM270 juta di Jalan Semarak di sini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Datuk Amar Singh Ishar Singh berkata, Mohd. Isa tiba di pejabat JSJK kira-kira pukul 10.30 pagi.

"Saya sahkan beliau datang ke sini bagi merakam percakapan berhubung siasatan kes tanah Felda bagi membolehkan siasatan dijalankan."

"Sebelum beliau, kami telah rakam lapan percakapan lapan individu yang berkaitan dalam membantu siasatan kes ini," katanya ketika ditemui hari ini.

Menurut Amar Singh, pihaknya dijadualkan merakam percakapan seorang lagi individu, Isnin ini.

"Siapa individu yang telah dipanggil dan akan dipanggil itu tidak perlu didedahkan."

"Mereka semua dipanggil bagi membantu siasatan kes tanah Felda yang tengah berjalan sekarang ini," ujarnya.

Amar Singh memberitahu, siasatan kes berkenaan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan penipuan.

Pada 21 Disember 2017, Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad memaklumkan pihaknya akan melakukan apa sahaja untuk mendapatkan semula hak ke atas tanah strategik di Jalan Semarak yang dianggarkan bernilai RM270 juta apabila dikesan telah ditukar milik kepada Synergy Prominade Sdn. Bhd. (Synergy Prominade).

Felda telah membuat laporan polis pada 12 Disember lalu dan akan mengambil tindakan undang-undang sivil ke atas pihak yang terlibat dalam perkara itu.

06 Januari 2018

3. PCM dakwa ada unsur rasuah

Desak SPRM siasat segera projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang



HUAN CHENG GUAN menyerahkan bukti baharu berkaitan projek Terowong Bawah Laut Pulau Pinang kepada SPRM di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 5 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat projek kontroversi Terowong Bawah Laut Pulau Pinang yang bernilai kira-kira RM15 bilion kerana didakwa mempunyai unsur rasuah dan penyelewengan.

Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan mendakwa, berdasarkan bukti baharu yang diperoleh mendapati Kerajaan DAP Pulau Pinang telah membenarkan syarikat tujuan khas (SPV) bagi projek tersebut membuat prajualan tanah negeri bernilai RM3 bilion biarpun projek itu telah mengalami kelewatan selama empat tahun.

"Kerajaan negeri didapati telah memberi kelulusan kepada syarikat SPV itu untuk membuat prajualan tanah kerajaan negeri seluas 20.34 hektar di Gurney Drive (Persiaran Gurney) yang merupakan sebahagian daripada projek dikenali sebagai Wellness City of Dreams.

"Projek ini yang mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) RM15 bilion akan dikuasai sepenuhnya oleh syarikat swasta iaitu milik sebuah syarikat tersenarai dan syarikat SPV Terowong Bawah Laut Pulau Pinang," katanya selepas menyerahkan laporan kepada SPRM di Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Projek terowong dasar laut sepanjang 7.2 kilometer yang menghubungkan Persiaran Gurney ke Bagan Ajam di Seberang Perai dan tiga jalan utama itu telah mencetuskan pelbagai kontroversi, antaranya

berhubung kos kajian kebolehlaksanaan yang terlalu tinggi, selain kaedah pembayaran yang melibatkan pertukaran tanah kerajaan negeri.

Selain itu, kontroversi mengenai projek itu yang telah didedahkan sejak tiga tahun lalu turut mendapat bantahan penduduk Pulau Pinang yang bimbang dengan impak ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Dalam pada itu, *Cheng Guan* turut mendedahkan bahawa Kerajaan DAP Pulau Pinang telah menggunakan peruntukan sebanyak RM9 bilion melalui dana kerajaan negeri bagi pembinaan projek tersebut.

Katanya, antaranya dengan pembinaan lapan lorong jalan di kawasan itu yang melibatkan kos antara RM300 juta hingga RM400 juta.

"Kerajaan negeri juga akan membina lebuh raya baru dikenali sebagai Pan Island Link sejauh RM19.5 kilometer dengan belanja kira-kira RM7.5 bilion dengan wang rakyat Pulau Pinang.

"Kos ini sangat tidak masuk akal kerana pembinaan jalan itu bagi setiap satu kilometer sahaja telah mencecah RM385 juta iaitu paling mahal pernah direkodkan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, *Cheng Guan* turut membidas tindakan kerajaan negeri yang akan menyaman pihak yang membuat pendedahan mengenai salah laku mereka terutamanya berhubung projek terowong dasar laut itu.

"Sebelum ini saya sudah disaman kerana mendedahkan nama syarikat yang dianugerahkan projek ini. Tindakan suka menyaman ini membuktikan bahawa istilah telus yang dilaungkan oleh kerajaan negeri sudah mati," katanya.

07 Januari 2018

4. Audit isu pindah milik tanah Felda bermula esok - Shahrir

JOHOR BAHRU 7 Jan. - Audit ke atas Felda berhubung isu pindah milik tanah milik agensi itu di Jalan Semarak, Kuala Lumpur akan bermula esok.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, pihaknya akan beri kerjasama penuh dengan firma audit yang dilantik Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Khamis lalu, JPM mengumumkan pelantikan syarikat audit luar berhubung hal ini dan kita akan beri kerjasama penuh."Felda tidak akan berkompromi dalam hal ini kerana kami mahukan semula hak ke atas tanah tersebut," katanya.Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Desa Datuk Hajah Hasnah Ahmad, di sini sebentar tadi.

Shahrir yang juga merupakan Ahli Parlimen Johor Bahru turut memberitahu pihaknya berharap tindakan undang-undang akan diambil sekiranya benar wujud salah laku dalam hal tersebut.

5. Kerja audit tanah Jalan Semarak bermula hari ini

Shahrir Abdul Samad melawat rumah Mustafa Ani (dua dari kanan) dan Miskiah Kidir di Desa Datuk Hajah Hasnah Ahmad di Johor Bahru, semalam.

JOHOR BAHRU 7 Jan. - Syarikat yang dilantik Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menjalankan audit ke atas Felda berhubung isu pindah milik tanah agensi itu di Jalan Semarak, Kuala Lumpur bakal memulakan tugas mereka esok.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, sehubungan itu pihaknya akan beri kerjasama penuh dalam mengenal pasti punca sebenar perkara tersebut berlaku.

Ahli Parlimen Johor Bahru itu berkata, JPM sudah mengumumkan pelantikan syarikat audit luar berhubung hal ini pada Khamis lalu.

"Pihak tersebut dijangka memulakan kerja pengauditan bermula Isnin (esok) ini.

"Felda tidak akan berkompromi dalam hal ini kerana kami mahukan semula hak ke atas tanah tersebut," katanya dalam sidang akhbar di Desa Datuk Hajah Hasnah Ahmad, Bakar Batu, di sini hari ini.

Baru-baru ini Felda memaklumkan tanah miliknya di Jalan Semarak yang dibangunkan bagi projek Kuala Lumpur Vertical City telah dipindah milik kepada pemaju projek.


Dalam perkembangan sama, beberapa akhbar hari ini melaporkan polis tidak menolak kemungkinan memanggil Ahli Lembaga Pengarah Felda dan Felda Investment Corporation (FIC) untuk memberi keterangan berhubung isu berkenaan.

Shahrir berkata, pihaknya berharap tindakan undang-undang akan diambil sekiranya benar wujud salah laku dalam hal tersebut.

Dalam perkembangan berasingan, Shahrir turut memaklumkan pihaknya akan menggerakkan satu perhimpunan aman di kedutaan beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) sebagai bantahan berhubung isu melarang penggunaan sawit biodiesel oleh negara-negara Eropah.

Dijangka katanya, kira-kira 500 orang terdiri daripada peneroka Felda akan berhimpun sebagai tanda bantahan ke atas keputusan EU tersebut.

"Dalam himpunan tersebut, kita akan turut menghantar memorandum bantahan yang ditandatangani seramai 100,000 peneroka sawit," ujarnya.

6. Audit projek KLVC dijangka selesai lebih awal**SHAHRRIR ABDUL SAMAD**

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Proses audit yang bermula hari ini ke atas projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) oleh Synergy Promenade Sdn. Bhd., di atas tanah milik Felda di Jalan Semarak (Jalan Sultan Yahya Petra) di sini, dijangka dapat diselesaikan lebih awal daripada tempoh 30 hari yang diperuntukkan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, ini kerana segala dokumen yang diperlukan sudah diserahkan kepada firma audit luar berkenaan yang dilantik Jabatan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) beri tempoh 30 hari, proses boleh jadi cepat sikit kerana semua dokumen sudah ada.

"Untuk hari pertama, mereka (firma yang dilantik) akan lihat dahulu dokumen yang diberi dan jika perlu mereka akan datang ke sini (Ibu pejabat Felda) untuk cari dokumen lain," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Menara Felda, di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas perkembangan hari pertama firma audit luar itu yang diberi tanggungjawab melaksanakan audit forensik terhadap semua aktiviti, tindakan dan keputusan berkaitan pelaksanaan projek itu khususnya menyentuh isu utama iaitu berkaitan pemindahan hak milik tanah Felda kepada syarikat pemaju projek itu.

Pada Khamis lalu, Perdana Menteri mengumumkan bahawa sebuah syarikat audit luar telah dilantik bagi melaksanakan audit forensik itu berikutan dakwaan bahawa Felda berisiko kehilangan hak terhadap tanah miliknya bernilai RM200 juta berpunca daripada transaksi diragui sejak 2015 bagi melaksanakan projek KLVC.

Siasatan firma audit itu membabitkan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), menyaksikan laporan penuh akan diserahkan kepada JPM

14 Januari 2018

7. Dua kakitangan TM ditahan reman enam hari kes jual kabel



DUA kakitangan TM ditahan reman enam hari bagi membantu siasatan kes penjualan kabel TM secara tidak sah di Mahkamah Khas Reman, Seremban hari ini

RASAH 14 Jan. - Dua kakitangan Telekom Malaysia Berhad (TM) ditahan reman selama enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes rasuah berhubung penjualan kabel syarikat itu secara tidak sah.

Perintah reman ke atas mereka yang berusia 29 dan 30 tahun dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Khas Reman Seremban, Nur Hayatie Mohd. Saini selepas mereka dibawa ke mahkamah di sini pada pukul 10.30 pagi ini.

Permohonan reman itu dikemukakan oleh Pegawai Pendakwa SPRM Negeri Sembilan, Mohd. Khairi Abdul Karim.

Kedua-dua suspek yang merupakan Pembantu Pegawai Teknik TM Wilayah Johor Selatan itu ditahan SPRM di Ibu Sawat TM, Johor Bahru antara puluk 4.25 hingga 5.30 petang semalam.

Mereka disyaki menerima rasuah RM7,650 daripada satu sindiket jual beli kabel sebagai balasan membawa keluar drop fiber berjenama Lite Kabel milik TM dari stor syarikat utiliti itu secara tidak sah.

Dua lelaki itu adalah antara sembilan individu ditahan SPRM Negeri Sembilan baru-baru ini dalam siasatan kes salah guna kuasa dan rasuah penjualan kabel antara tahun 2016 hingga 2017 yang menyebabkan TM kerugian antara RM4 juta hingga RM6 juta.

15 Januari 2018

8. Projek terowong Pulau Pinang: Lebih 20 individu dipanggil**AZAM BAKI**

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengambil keterangan lebih daripada 20 individu bagi melengkapkan siasatan berhubung projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang.

Tanpa mendedahkan dengan lebih lanjut individu terbabit, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Seri Azam Baki berkata, siasatan mengenainya masih lagi berjalan.

"Siasatan mengenainya masih berjalan dan seperti sedia maklum dua individu yang ditahan telah dilanjutkan reman selama lima hari lagi.

"Kemungkinan proses siasatan ini akan mengambil masa sedikit lagi," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar dalam Siri Program Gerah di Pangkalan Teksi dan Kereta Sewa Kajang, di sini hari ini -

15 Januari 2018

9. Curi kabel: Seorang lagi juruteknik kanan TM ditahan

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang juruteknik kanan Telekom Malaysia (TM) selepas disyaki terbabit rasuah dan salah guna kuasa membabitkan pengeluaran kabel dari stor syarikat telekomunikasi tersebut secara tidak sah.

Menurut sumber, suspek berusia 33 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Kuala Lumpur kira-kira pukul 1.15 tengah hari tadi ketika hadir untuk memberikan keterangan.

"Suspek disyaki bersubahat dengan beberapa suspek lain yang sudah ditahan sebelum ini untuk mengemukakan 55 dokumen arahan penyelenggaraan dan surat kebenaran yang mengandungi butiran palsu kepada TM bagi mengeluarkan kabel dari gudang syarikat berkenaan.

"Dia dijangka direman di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi esok bagi membantu siasatan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sejak Selasa lalu, SPRM melakukan operasi besar-besaran di sekitar ibu negara, Selangor, Negeri Sembilan termasuk Johor berikutan laporan diterima dari TM yang mendakwa kerugian antara RM4 juta hingga RM6 juta akibat pengeluaran kabel dari gudang syarikat terbabit.

Dalam perkembangan sama, seorang bekas pembantu teknikal TM yang ditahan semalam, direman enam hari untuk membantu siasatan kes sama.

Suspek, 36, ditahan di pejabat SPRM Kuala Lumpur kira-kira pukul 7 malam ketika hadir untuk membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, tempoh reman empat daripada sembilan suspek yang ditahan pada 10 Januari lalu berhubung kes sama dibenarkan disambung selama tiga hari lagi, manakala lima yang lain dibebaskan dengan jaminan.

Pengarah Kanan Jabatan Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd. Ghani ketika dihubungi mengesahkan maklumat tersebut, beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

10. Isu terowong: Beberapa lagi individu bakal ditahan

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan pihaknya akan menahan beberapa individu lain yang disyaki mempunyai hubung kait dengan isu pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang dalam tempoh terdekat.

**Azam Baki**

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Seri Azam Baki berkata, pihaknya turut akan menyerbu beberapa lokasi bagi tujuan membantu siasatan.

"Saya tidak menolak kemungkinan akan ada beberapa lagi tangkapan berhubung isu ini dan seperti mana sedia maklum reman terhadap dua suspek yang sebelum ini ditahan telah dilanjutkan selama lima hari.

"Tetapi saya tidak memberikan butiran lanjut mengenai perkara ini (tangkapan) memandangkan kes ini masih dalam siasatan dan mengambil masa lagi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Program Gerakan Revolusi Antirasuah (Gerah) membabitkan komuniti pemandu dan pengusaha teksi Kajang di sini hari ini yang dilancarkan Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

Ditanya sama ada Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng akan dipanggil untuk memberikan keterangan berhubung isu tersebut, Azam menjelaskan, pihaknya akan meneliti terlebih dahulu bukti yang dijalankan sebelum memanggilnya.

Dalam perkembangan sama, Azam memaklumkan siasatan juga akan dilakukan berhubung dakwaan sebuah syarikat fesyen menjadi pemegang saham terbesar dalam projek pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang.

"Mana-mana maklumat yang datang daripada media, kita akan tengok. Sama ada betul atau tidak, belum masanya untuk dikongsi," ujarnya.

Ditanya mengenai arah siasatan kes tersebut, Azam menjelaskan fokus utama lebih berbentuk kepada perancangan pembinaan terowong itu dan pertukaran tanah sebagai kaedah pembayaran.

19 Januari 2018

11. Pemandu bas dijel sehari, denda RM10,000

PEMANDU bas, M. Indran, 32, (tengah) dikenakan hukuman penjara sehari dan denda sebanyak RM10,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan atas kesalahan memalsukan dokumen untuk menukar hak milik sebuah bas, empat tahun lalu

KUANTAN 19 Jan. - Seorang pemandu bas dipenjara sehari dan denda sebanyak RM10,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas kesalahan memalsukan dokumen untuk menukar hak milik sebuah bas pada 15 April 2014.

Hakim Dazuki Ali turut memerintahkan tertuduh, M. Indran, 32, yang beralamat di Taman Sentosa, Klang Selangor menjalani hukuman penjara selama enam bulan jika gagal menjelaskan denda itu.

Tertuduh didakwa menggunakan dokumen palsu 'circular resolution' milik Syarikat Gift Two K Holidays Sdn. Bhd. bertarikh 15 April 2014 yang kononnya membekalkan dia membeli bas syarikat pelancongan itu pada harga RM45,000.

Tertuduh yang masih bujang didakwa melakukan kesalahan berkenaan pada 20 Mei 2014 di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) cawangan Raub yang mana perbuatan itu merupakan kesalahan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Fadly Mohd. Zamri manakala tertuduh diwakili Mohd. Hamizi Mat Said.

20 Januari 2018

12. Kes seleweng projek terowong dasar laut: Dua Datuk dibebas

PUTRAJAYA 19 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini selesai menyiasat dua individu berpangkat Datuk berhubung kes penyelewengan projek terowong dasar laut di Pulau Pinang.

Kedua-duanya yang direman bermula 10 Januari lalu dibebaskan kira-kira pukul 10.30 pagi melalui perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret di sini.

Majistret Aida Kharuleen Azli membenarkan kedua-dua lelaki itu dibebaskan dengan jaminan RM200,000 setiap seorang selepas pihak SPMR tidak mengemukakan permohonan untuk melanjutkan tempoh reman.

Pada 10 Januari lalu, kedua-duanya direman selama enam hari sehingga 15 Januari lalu dan kemudian disambung selama lima hari lagi sehingga hari ini.

Dalam kes ini, seorang timbalan pengurus sebuah syarikat harta tanah, direman menerusi perintah Mahkamah Majistret Pulau Pinang manakala seorang pengarah eksekutif kanan sebuah syarikat pembinaan direman melalui perintah Mahkamah Majistret di sini.

Penahanan mereka dibuat susulan serbuan SPRM ke beberapa pejabat agensi kerajaan di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) pada 9 Januari lalu, berhubung siasatan projek pembinaan itu.

Dalam serbuan itu, SPRM mengambil sejumlah dokumen bagi membantu siasatan berhubung dakwaan wujudnya penyelewengan pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang.

Projek itu yang didakwa bernilai RM15 bilion itu adalah sebahagian daripada Pelan Induk Pengangkutan (PIP) kerajaan DAP Pulau Pinang bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di negeri itu.

Serbuan itu dilakukan selepas Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan membuat laporan pada 5 Januari lalu dan menyerahkan bukti baharu di pejabat SPRM di sini ekoran pendedahan yang mendakwa kerajaan negeri menganugerahkan projek tersebut kepada syarikat yang mempunyai modal di bawah paras yang ditetapkan.

Katanya, syarikat yang dianugerahkan projek terowong dasar laut itu didakwa memiliki modal bernilai 1,900 kali ganda lebih rendah daripada paras minimum yang ditetapkan.

13. Ahli politik 'makan' besar**Terima jutaan ringgit lulus kajian projek terowong dasar laut**

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Beberapa ahli politik disyaki menerima habuan tinggi mencecah jutaan ringgit dalam proses pemberian kelulusan kajian projek pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang yang bernilai RM6.3 bilion.

**Azam Baki**

Menurut sumber, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati habuan yang diterima daripada hasil salah laku dan rasuah pemberian kelulusan tersebut bernilai besar.

"Ada ahli politik yang menerima ratusan ribu ringgit malah ada yang mencecah jutaan ringgit melalui 'jalinan kerjasama' itu. Setakat ini, kami sedang mengesan bagaimana salah laku itu berlaku dan bagaimana pembayaran itu dilaksanakan.

"Namun kami percaya, itu berkemungkinan berkaitan pemberian dua lot tanah bernilai tinggi yang menjadi cara pembayaran kepada kajian projek mega itu," katanya di sini hari ini.

Walau bagaimanapun, sumber terbabit enggan mendedahkan identiti ahli politik yang dipercayai terlibat dalam pembiayaan itu namun tidak menolak kemungkinan mereka itu adalah individu yang berkepentingan dalam projek itu.

Menurutnya, SPRM kini dalam proses untuk merekod keterangan beberapa saksi penting untuk mengukuhkan siasatan.

"Saksi yang akan direkod ini mampu menjawab bagaimana salah laku dan pembayaran itu berlaku," ujarnya

Tambahnya, beberapa individu penting yang dipercayai terlibat dalam projek itu akan dipanggil untuk memberi keterangan kepada SPRM dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Bakri ketika dihubungi enggan mengulas lanjut berhubung dakwaan itu namun memaklumkan SPRM sehingga kini sudah menyerbu 42 lokasi termasuk syarikat perunding dan agensi kerajaan di Pulau Pinang dan Lembah Klang.

"Bagi kami masa untuk siasat. Siasatan kes ini melibatkan banyak isu-isu teknikal yang perlu disiasat secara terperinci untuk melengkap kertas siasatan," jelasnya.

Sehingga hari ini seramai lebih 76 saksi sudah dipanggil untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan.

20 Januari 2018

14. Pegawai ATM direman bantu kes seleweng inap desa



SEORANG pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas diperintah tahanan reman selama lima hari bagi membantu siasatan kes penyelewengan pembekalan inap desa di Kem Batu Ferringhi di Mahkamah Sesyen Georgetown hari ini

PULAU PINANG 20 Jan. - Seorang pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berpangkat Mejai direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan beberapa kes penyelewangan pembekalan inap desa di Kem Batu Feringghi, di sini pagi tadi.

Perintah tahanan reman terhadap lelaki berusia 43 tahun itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Sesyen Georgetown, Ameera Mastura Khamis.

Difahamkan, lelaki itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri di sini petang semalam.

Menurut sumber SPM, lelaki itu disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPM 2009 iaitu salah guna kuasa, Seksyen 18 akta sama kerana mengemukakan tuntutan palsu dan Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu pecah amanah.

22 Januari 201

15. Terowong Dasar Laut : 2 -3 individu akan ditangkap

PUTRAJAYA 22 Jan.- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menangkap dua atau tiga individu lagi dalam masa terdekat berhubung kes penyelewengan projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Seri Azam Baki berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan kes itu dan beberapa individu lain juga akan dipanggil memberikan keterangan.

Ketika ditanya mengenai tarikh SPM akan menghantar kertas siasatan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tujuan pendakwaan, beliau berkata, siasatan belum selesai dan pihaknya memerlukan sedikit tempoh bagi melengkapkan siasatan.

"Sehingga kini, sebanyak 76 saksi telah dipanggil keterangan.

"SPRM tiada pilih kasih dalam menjalankan siasatan, justeru itu saya minta jangan mempolitikan isu ini," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Paluan Berundur Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPM, Datuk Seri Mohd. Jamidan Abdullah di sini hari ini.

Pada 5 Januari lalu, Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan membuat laporan dan menyerahkan bukti baharu di pejabat SPM Putrajaya berhubung projek kontroversi terowong dasar laut di negeri ini bernilai RM15 bilion.

Menurut beliau, laporan itu ekoran pendedahan terbaru yang mendakwa kerajaan negeri menganugerahkan projek tersebut kepada syarikat yang mempunyai modal di bawah paras ditetapkan.

Katanya, syarikat yang dianugerahkan projek terowong dasar laut itu didakwa memiliki modal bernilai 1,900 kali ganda lebih rendah daripada paras minimum ditetapkan JKR. -

23 Januari 201

16. Empat direman tujuh hari terlibat rasuah projek kereta api

PEGAWAI SPRM mengawal empat individu berumur antara 37 hingga 58 tahun yang disiasat dalam kes rasuah membabitkan projek-projek JKNS bermula 2012 hingga 2017 di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu di sini hari ini.

KOTA KINABALU 23 Jan. - Seorang pegawai kanan Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) direman selama tujuh hari di Mahkamah Majistret di sini hari ini bagi membantu siasatan melibatkan aktiviti rasuah membabitkan projek kereta api di negeri ini antara tahun 2012 hingga 2017.

Turut direman bagi tempoh itu ialah tiga individu lain terdiri daripada dua penolong jurutera dan seorang pengarah syarikat kerana dipercayai terlibat memonopoli projek yang dikendalikan di jabatan terbabit.

Perintah tersebut dikeluarkan Majistret Cindy Mc Juce Balitus selepas menerima permohonan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Keempat-empat individu yang berusia antara 37 hingga 58 tahun itu ditangkap SPRM dalam serbuan berasingan di sekitar bandar raya ini bermula pada pukul 12.05 tengah hari hingga 11.20 semalam.

Tangkapan tersebut dilakukan selepas pihak SPRM menerima laporan bahawa mereka terlibat dalam kes rasuah membabitkan pembangunan infrastruktur pengangkutan kereta api di negeri ini.

Dalam kes tersebut, SPRM telah membekukan beberapa akaun, menyita kenderaan dan merampas sejumlah wang tunai yang ditemukan di kediaman suspek.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

24 Januari 2018

17. Rasuah RM3j JKNS, 4 direman

KOTA KINABALU 23 Jan. - Kegiatan tiga jurutera Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) termasuk ketuanya yang dipercayai terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dan rasuah bernilai RM3 juta melalui projek-projek penyelenggaraan dan kecemasan jabatan itu antara tahun 2011 hingga 2017 terbongkar dengan penahanan mereka semalam.

Ketua jurutera terbabit yang juga merupakan pemangku Timbalan Pengarah JKNS berusia 58 tahun serta dua jurutera masing-masing berumur 39 dan 37 tahun ditahan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri antara pukul 12 tengah hari hingga 11.30 malam.

Turut ditahan ialah seorang kontraktor berusia 42 tahun yang dipercayai terlibat dengan kegiatan ketiga-tiga suspek.

Keempat-empat mereka kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPPM 2009.

Menurut sumber, pasukan penyiasat turut merampas wang tunai kira-kira RM170,000 daripada suspek-suspek yang ditahan dan merampas dua buah motor berkuasa tinggi.

Ujarnya, hasil siasatan juga mendapati jurutera-jurutera JKNS itu mempunyai harta-harta yang melebihi emolumen mereka.

"Hasil siasatan awal mendapati, JKNS telah menganugerahkan projek-projek penyelenggaraan dan kecemasan kepada kira-kira 27 syarikat sejak tahun 2011, bagaimanapun kesemua projek itu didapati hanya dilaksanakan oleh satu syarikat kontraktor sahaja dengan meminjam lesen syarikat-syarikat tersebut.

"Setiap syarikat itu akan menerima komisen antara lima hingga 10 peratus daripada nilai sebenar setiap projek yang dianugerahkan," kata sumber itu.

Pengarah SPPM Negeri Sabah, Datuk Sazali Salbi ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memberitahu, pihaknya kini dalam proses merakam percakapan saksi-saksi bagi membantu siasatan.

Sementara itu, perintah reman terhadap keempat-empat suspek dikeluarkan Majistret Cindy Mc Juce Balitus di Mahkamah Majistret di sini selepas menerima permohonan daripada pihak SPPM. Prosiding dikendalikan Pegawai Pendakwa SPPM, Mohd. Faliq Basirudin manakala empat individu terbabit tidak diwakili peguam.

24 Januari 2018

18. SPRM sita RM6.7 juta termasuk wang tunai dan rumah

KOTA KINABALU 24 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri hari ini menyita sejumlah RM4 juta wang tunai dan kira-kira tujuh buah rumah bernilai RM2.7 juta milik tiga jurutera Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) termasuk ketuanya susulan kes penyalahgunaan kuasa dan rasuah melalui projek-projek penyelenggaraan dan kecemasan jabatan itu antara tahun 2011 hingga 2017.

Pengaruhnya, Datuk Sazali Salbi berkata, rampasan itu dibuat selepas hasil siasatan mendapati semua harta tersebut kepunyaan keempat-empat suspek serta dinamakan atas nama ahli keluarga masing-masing.

"Kita telah membuka beberapa peti simpanan di beberapa buah akaun bank milik suspek dan menyita sejumlah wang tunai.

"Selain itu, kira-kira tujuh buah rumah yang berada di tiga negeri iaitu di Kuala Lumpur, Johor dan Sabah turut disita kerana dipercayai hasil daripada kegiatan rasuah berkenaan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

31 Januari 2018

19. Direman, didakwa salah guna kuasa, rasuah**KES 1****Kes suapan Pengarah JPS Perlis, akaun RM4j dibeku,****SUSPEK**

ALOR SETAR 30 Jan. - Sebanyak 13 lagi akaun bank membabitkan wang sebanyak RM1.1 juta dipercayai hasil rasuah dan salah guna kuasa membabitkan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis serta dua pemilik syarikat dibekukan hari ini.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad berkata, angka terbaru itu menjadikan wang milik pengarah berusia 60 tahun tersebut, anak-anaknya serta pemilik syarikat yang telah dibekukan berjumlah kira-kira RM4 juta.

"Semalam kita menangkap suspek pertama di pejabatnya di Perlis manakala dua lagi yang berumur 50 dan 39 tahun ditahan di pejabat SPRM Kedah. Kita juga rampas wang tunai RM900,000 di rumah seorang pemilik syarikat dan bekukan empat akaun berjumlah RM2.9 juta.

"Hari ini, kita membekukan RM1.1 juta lagi daripada 13 akaun milik suspek pertama serta anak-anaknya dan pemilik syarikat. Selain itu, kita juga menyita sebuah motosikal milik pengarah berkenaan yang dianggar bernilai RM18,000," katanya selepas menghadiri Majlis Melafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah di sini di sini.

Menurut Mohd. Fauzi, pihaknya tidak menolak kemungkinan akan membuat tangkapan baharu selepas siasatan lanjut dijalankan.

"Nilai suapan keseluruhan juga masih dalam siasatan dan kita percaya ia membabitkan jumlah yang besar kerana suspek didakwa mengambil 10 peratus daripada setiap projek JPS Perlis dari 2014 hingga 2017," ujarnya.

Sementara itu, ketiga-tiga suspek direman selama tujuh hari bermula hari ini untuk siasatan mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Perintah reman sehingga Isnin depan itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Tertinggi Mahkamah Rendah Alor Setar, Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim di sini hari ini.

KES 2

Pegawai JPJ terima rasuah RM14,000



KLANG 30 Jan. - Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor direman lima hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes menerima rasuah berjumlah RM14,000 daripada tiga syarikat pembinaan, tiga tahun lalu.

Selain lelaki berusia 43 tahun itu, tiga pengurus syarikat berusia antara 30 hingga 45 tahun turut direman bagi tempoh yang sama, ketika kesemua mereka dibawa ke Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Majistret Roslizi Sulaiman memerintahkan kesemua suspek itu direman sehingga Sabtu ini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Terdahulu, keempat-empat suspek yang tiba di pekarangan mahkamah kira-kira pukul 10.15 pagi memakai baju lokap berwarna jingga sambil masing-masing diiringi pegawai SPRM.

Sumber berkata, pegawai kerajaan itu yang kini bertugas di Bahagian Pengujian Lesen Memandu JPJ Selangor dipercayai telah menyalahgunakan kuasa semasa berkhidmat di Stesen Timbang JPJ Kuala Selangor.

"Suspek disyaki memperoleh wang suapan sebanyak RM100 hingga RM1,800 sebulan daripada syarikat pembinaan sepanjang tahun tersebut sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim yang mengesahkan penahanan tersebut memberitahu, kes itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

KES 3

Seleweng dana sains RM3 juta



PUTRAJAYA 30 Jan. - Seorang bekas pegawai di sebuah badan sains antarabangsa direman lima hari mulai hari ini bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dana berjumlah kira-kira RM3 juta sejak tahun 2012.

Majistret Mohd. Nor Hafidzuddin Yusoff mengeluarkan perintah reman sehingga 3 Februari ini terhadap suspek berusia 44 tahun itu yang merupakan Pegawai Tadbir Kanan International Council for Scientific Union Regional Office for Asia Pacific (ICSU-ROAP) di bawah Akademi Sains Malaysia (ASM).

Mahkamah Majistret di sini hari ini turut mengeluarkan perintah reman bagi tempoh yang sama terhadap seorang rakan suspek berusia 57 tahun kerana disyaki bersubahat dalam penyelewengan itu dan telah menyamar menggunakan gelaran profesor lestari dari universiti tempatan.

Semalam, akhbar melaporkan dua individu termasuk seorang Pegawai Tadbir Kanan ICSU-ROAP telah diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sebuah kondominium di Kuala Lumpur selepas disyaki menyeleweng dana berjumlah kira-kira RM3 juta.

KES 4

Menyamar orang tengah polis



SEREMBAN 30 Jan. - Tindakan dua peniaga menyamar sebagai orang tengah polis dan meminta wang RM5,100 bagi melepaskan seorang suspek kes dadah membawa padah apabila mereka ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Port Dickson, semalam.

Suspek pertama berusia 44 tahun ditahan di sebuah restoran di Bandar Springhill, Port Dickson pada pukul 3 petang, manakala rakannya berumur 46 tahun diberkas di pejabat SPRM Port Dickson pada pukul 4.30 petang.

Menurut sumber, kedua-dua suspek yang merupakan peniaga disyaki meminta wang tersebut daripada seorang lelaki sebagai balasan untuk membantu melepaskan anaknya yang ditahan polis kerana kes penyalahgunaan dadah.

Ujarnya, bagi menyakinkan lelaki terbabit, suspek mendakwa RM5,000 daripada wang itu akan diberikan kepada seorang anggota polis berpangkat Sarjan dari Bahagian Narkotik Ibu pejabat Polis Daerah Port Dickson bagi menyelesaikan kes itu.

"Suspek telah menerima sebanyak RM3,000 daripada jumlah wang itu pada Sabtu lalu manakala RM2,100 diserahkan kepada mereka semalam," kata sumber itu di sini hari.

Kedua-dua suspek direman lima hari bermula hari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta SPRM 2009.

Pecah amanah RM2.5 juta

MELAKA 30 Jan. - Seorang bekas pengurus projek mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan pecah amanah membabitkan peruntukan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) bernilai RM2.5 juta, dua tahun lalu.

Muhamad Nasir Razak, 39, didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merlimau, Kilometer 24, Jalan Jasin-Merlimau antara 31 Januari dan 31 Disember 2016.

Mengikut pertuduhan, Muhamad Nasir sebagai pengurus projek SBPKP didakwa telah melakukan pecah amanah terhadap Baja Sebatian, NPK Tambahan dan Urea sebanyak 56,700 beg bernilai RM2,544,650 yang diletakkan di bawah seliaannya.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Irwan Shah Abdul Samat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan dan denda.

Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM200,000 dengan seorang penjamin selain mengarahkannya melapor diri setiap bulan di pejabat SPM Melaka serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mahkamah turut menetapkan 6 Mac ini untuk sebutan kes serta lantikan peguam.

Tertuduh bagaimanapun gagal menjelaskan wang jaminan.

31 Januari 2018

20. Rasuah Pengarah JPS Perlis tiada kaitan dengan projek tebatan banjir

KANGAR 31 Jan. - Penahanan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri ini untuk siasatan berhubung rasuah dan salah guna kuasa kelmarin, tidak menjasarkan fokus pembinaan Projek Tebatan Banjir Lencongan Barat yang sudah memasuki fasa terakhir perlaksanaannya.

Pada masa sama, Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man turut menafikan faktor kelewatan projek berkenaan adalah disebabkan skandal rasuah membabitkan pengarah tersebut.

Katanya, projek Tebatan Banjir Lencongan Barat sepanjang 22 kilometer (km) dari Timah Tasoh ke Kuala Perlis itu masih berjalan dan tidak terganggu.

"Jadi tidak timbul isu bahawa projek berkenaan tertangguh atau terjejas disebabkan skandal rasuah yang membabitkan pengarah JPS terbabit," katanya ketika ditemui selepas Program Jualan Sentuhan Rakyat 2018 di Tapak Pasar Pagi Behor Lateh di sini hari ini.

Akhbar melaporkan sebanyak 13 lagi akaun bank membabitkan wang sebanyak RM1.1 juta dipercayai hasil rasuah dan salah guna kuasa membabitkan Pengarah JPS Perlis serta dua pemilik syarikat dibekukan.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad dilaporkan berkata, angka terbaru itu menjadikan wang milik pengarah berusia 60 tahun itu, anak-anaknya serta pemilik syarikat yang telah dibekukan berjumlah kira-kira RM4 juta.

Terdapat dakwaan sebelum ini bahawa kes berkenaan dipercayai mempunyai kaitan dengan kelewatan Projek Tebatan Banjir Lencongan Barat yang sepatutnya siap September lalu.

Tambah Azlan, beliau tidak boleh mengulas lanjut isu berkenaan memandangkan kes tersebut masih di peringkat siasatan SPRM.

"Kes ini masih dalam siasatan dan belum ada tuduhan yang membuktikan bahawa beliau (Pengarah JPS Perlis) bersalah, jadi kita jangan terlalu cepat menghukum seseorang itu melalui penahanan ini," katanya.

21. Kontroversi projek terowong belum reda

MALANG bagi kerajaan DAP Pulau Pinang kerana sejak awal lagi projek terowong dasar laut itu mengundang kontroversi disebabkan beberapa faktor luaran.

PGMASTERPLAN.PENANG.GOV.MY

"ANDAINYA hal keadaannya berbeza, projek terowong dasar laut ini akan disambut baik oleh orang ramai". Begitulah kata-kata seorang sahabat, usahawan bergelar Datuk, warga Pulau Pinang sejak lahir lagi yang saya temui baru-baru ini.

Projek tajaan kerajaan negeri Pulau Pinang ini, jika dilaksanakan akan menghubungkan Bagan Ajam (Seberang Perai) dengan Jalan Gurney (bahagian utara Pulau Pinang). Impak positifnya akan dapat dirasakan oleh penduduk Kedah, Perlis, selain penduduk Butterworth dan Bukit Mertajam kerana terowong sepanjang 7.2 kilometer ini akan menjadi laluan alternatif lebih cepat lagi kepada perkhidmatan feri dan jambatan pertama dan kedua. Ia akan memudahkan warga utara Semenanjung berulang alik dari Seberang Perai ke bahagian pulau. Umum mengetahui ramai pekerja di pulau itu mempunyai rumah di Seberang Perai, Kulim dan Sungai Petani.

Malangnya bagi kerajaan negeri Pulau Pinang, sejak awal lagi projek ini mengundang kontroversi disebabkan beberapa 'faktor luaran'. Untuk kita memahami kenapa kontroversi ini timbul, kronologi ringkas projek tersebut dinyatakan dalam ruangan ini.

Pada 14 November 2011, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menyatakan matlamat utama projek terowong ini adalah menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di pulau itu. Dianggarkan menelan belanja antara RM5 bilion hingga RM8 bilion, dengan bayaran kepada kontraktor yang membina projek itu akan dibuat bukan dalam bentuk wang tetapi menerusi pertukaran tanah (land swap). Tanah yang akan diserahkan kepada kontraktor sebagai ganti bayaran bernilai tinggi di-

sebabkan lokasinya yang strategik, iaitu di Gurney Drive Tourist Belt. Projek ini dijangka siap pada 2020 ataupun mungkin awal sedikit.

Pada 1 Mac 2013, kerajaan negeri melantik syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek itu dengan nilai kontrak berharga RM8 bilion. Konsortium adalah syarikat usaha sama antara Zenith Construction Sdn. Bhd. dan China Railway Construction Co Ltd (CRCC) serta beberapa syarikat lain. Mengikut Pengerusi Consortium Zenith, Datuk Zarul Ahmad Zulkifli, kajian feasibility projek itu dijangka siap pada akhir 2014.

Selain membina terowong dasar laut menghubungkan Bagan Ajam dengan Gurney Drive, projek yang diserahkan kepada Consortium Zenith juga meliputi pembinaan tiga jalan raya baharu - iaitu bypass pertama menghubungkan Gurney-Drive dengan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, bypass kedua menghubungkan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dengan Bandar Baru Air Hitam dan satu lagi jalan baru menghubungkan Tanjung Bungah dengan Teluk Bahang.

Apa yang dirancang oleh kerajaan negeri Pulau Pinang ini pada prinsipnya tidak menyalahi apa-apa undang-undang atau bertentangan dengan amalan semasa. Mana-mana negeri yang ingin membangunkan projek infrastruktur mega tetapi tidak ada kekuatan kewangan atau kepakaran melaksanakannya dibenarkan mencari mana-mana entiti lain (dalam negeri atau di luar negara) untuk melaksanakan kerja yang dikehendaki. Dan sebagai balasan, akan diberi kesempatan untuk melakukan kerja tambak laut di mana akhirnya sebahagian tanah yang baharu wujud itu akan diserahkan sebagai 'bayaran' kepada kontraktor.

Malangnya bagi kerajaan negeri, pengumuman awalnya mengenai projek ini dipersoal. Ada yang menyoal kenapa kerajaan negeri terburu-buru meneruskan projek ini? Ada yang berkata, pembinaan terowong dasar laut serta beberapa batang jalan raya baharu tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di pulau itu. Ada pula mengatakan sepatutnya kerajaan negeri mendapatkan mandat baharu dari rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sebelum memulakan projek bernilai tinggi ini.

Pada Julai 2017, satu laporan polis dibuat oleh Parti Cinta Malaysia (PCM). Ia dibuat selepas dimaklumkan projek itu telah diserahkan kepada sebuah syarikat bermodal kecil ketika ia dianugerahkan kontrak itu pada Mac 2013.

Pada 11 Oktober 2017, kerajaan negeri Pulau Pinang mengakui gagal menyerahkan laporan kajian feasibility projek itu kepada Kementerian Kerja Raya dengan alasan tarikh jangkaan pelaksanaannya masih jauh lagi iaitu pada 2023. Pada 10 Januari (2018) lalu beberapa pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu beberapa pejabat agensi kerajaan negeri di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) serta pejabat Ewin-Zenith Sdn. Bhd, 555 Capital Sdn. Bhd. dan Konsortium Zenith.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki memberitahu media bahawa serbuan itu dibuat bagi membantu siasatan kes berkaitan projek tersebut. Pada tarikh sama,

seorang pengarah syarikat bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk direman bagi membantu siasatan SPRM berhubung projek terowong dasar laut itu.

Susulan operasi SPRM itu, Guan Eng membuat kenyataan bahawa Kerajaan Pulau Pinang akan meneruskan projek terowong dasar laut itu walaupun SPRM sedang menyiasatnya. Tegas beliau, setakat ini tiada mana-mana pihak termasuk mahkamah mengarahkan projek itu ditangguhkan. Sementara itu, mengikut laporan media terkini, CCRC telah menarik diri dari projek ini dan tempatnya telah diambil alih oleh sebuah syarikat fesyen.

Terbaharu pada 25 Januari lalu, SPRM menangkap pengurus sebuah firma perunding kejuruteraan bergelar Datuk Seri untuk membantu siasatan berhubung rasuah dalam projek pembinaan terowong bawah laut ini.

Tidak cukup dengan beban menangani kontroversi projek terowong dasar laut ini, Guan Eng kini berdepan dengan satu prosiding kes jenayah rasuah yang dijadualkan bermula di Mahkamah Tinggi pada 26 Mac nanti. Beliau dituduh melakukan jenayah itu bersama seorang usahawan wanita, Phang Li Koon. Soalnya, apakah beliau akan 'bercuti' sementara waktu untuk menumpukan segala tenaga dan fikirannya terhadap kes ini?

DATUK SALLEH BUANG ialah bekas Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.